


Kenaikan pangkat kakitangan awam kini berasaskan merit

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 19 Sept. – Sistem kenaikan pangkat kakitangan awam tidak lagi bergantung kepada lama perkhidmatan, tapi berasaskan prinsip merit, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Menurutnya, merit seseorang pegawai dinilai melalui prestasi masing-masing dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dan ia termaktub dalam Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan dan Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Justeru, beliau berkata, adalah wajar setiap kakitangan awam menyedari mengenai prinsip itu lalu berusaha memberikan per-



MOHD. SIDEK HASSAN

Um - 20/9/2006
Adalah wajar setiap kakitangan awam menyedari mengenai prinsip itu lalu berusaha memberikan perkhidmatan yang paling bermakna dengan menggunakan kemampuan yang dimiliki.

khidmatan yang paling bermakna dengan menggunakan kemampuan yang dimiliki.

“Dalam proses ini, penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kompetensi dan kemahiran memandangkan ketika ini sumber manusia dalam sektor awam sedang menuju ke arah pembentukan pekerja berilmu.

“Selain itu, sebagai tonggak untuk melaksanakan agenda kerajaan, penjawat awam sebagai pakar perunding perlu memberikan nasihat terbaik kepada kerajaan dalam menjayakan misi itu,” katanya.

Mohd. Sidek berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Fellow Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) 2006 dan penyampaian Diploma Intan di sini, hari ini.

Pada majlis itu, bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dr. Mazlan Ahmad dianugerahkan sebagai Tokoh Fellow Intan sementara 709 orang menerima Diploma Intan.

Mohd. Sidek memberitahu bahawa kuasa yang diberikan kepada penjawat awam adalah tanggungjawab untuk membolehkan kerajaan melaksanakan pembangunan negara dan kebajikan rakyat.

Jelasnya, untuk itu negara memerlukan pegawai kerajaan yang berintegriti tinggi dan tidak memerlukan ‘Napoleon Kecil’ seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri

sebelum ini.

“Sasaran perkhidmatan bukan sekadar memenuhi jangkaan tetapi seharusnya menuju perkhidmatan yang melangkaui kebiasaan untuk mencapai taraf perkhidmatan awam bertaraf dunia.

“Oleh itu, perkhidmatan awam memerlukan pegawai yang berkebolehan, cekap, berilmu dan pakar dalam kerjayanya,” katanya.

Sebagai penjawat awam, beliau juga mengingatkan mereka supaya tidak membuka ruang yang membolehkan kewibawaan sektor awam dipertikai oleh mana-mana pihak hanya kerana tidak memiliki kompetensi untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab.

MOHD. SIDEK HASSAN
Ketua Setiausaha Negara